

OGOS 2026

WAKAF KITA



PERKASAKAN TADBIR URUS ZAKAT UNIVERSITI

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 32/2026 telah meluluskan Garis Panduan Agihan Wakalah Zakat UniSZA. Garis panduan ini disediakan sebagai panduan dalam proses pertimbangan dan kelulusan agihan bantuan wakalah zakat. Pelaksanaannya bertujuan memastikan agihan wakalah zakat dilaksanakan secara teratur, adil dan cekap, serta yang paling utama, selaras dengan prinsip dan tuntutan Syariah.

ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY



OGOS 2026

WAKAF KITA



PROGRAM ZAKAT FISABILILLAH



Minggu Thaqafah Bahasa Al-Quran (MITHAQ 2.0)

Anjuran: Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK)

Tarikh: 10-14 April 2026

Peserta Program: 200 pelajar

Seminar Kebangsaan Kecerdasan Buatan (AI) dari Perspektif Islam

Anjuran: Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI)

Tarikh: 17 Mei 2026

Peserta: 165 pelajar



Kekal Sihat Mental dalam Dunia Kerja yang Mencabar

Anjuran: Fakulti Perubatan Veterinar (FPV)

Tarikh: 5 Ogos 2026

Peserta: 13 staf pentadbiran dan akademik



1. APA ITU ZAKAT UNTUK ASNAF FISABILILLAH?

Asnaf fisabilillah merupakan salah satu daripada lapan (8) asnaf yang berhak menerima zakat, sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran.

Dalam perbahasan ulama terdahulu, fisabilillah lazimnya ditafsirkan dalam konteks jihad di medan perang bagi mempertahankan dan menegakkan agama Islam. Walau bagaimanapun, pemahaman terhadap konsep fisabilillah turut berkembang selaras dengan perubahan keadaan dan keperluan semasa. Ia merangkumi usaha dan aktiviti yang bertujuan mempertahankan, memperkukuh dan menegakkan agama, termasuklah melalui bidang pendidikan, penyebaran ilmu dan pembangunan kefahaman Islam.

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ
فُؤُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ
فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk golongan fakir, miskin, amil, muallaf yang dijinakkan hati mereka, hamba yang hendak memerdekakan diri mereka, orang yang berhutang, dan untuk jalan Allah, dan musafir yang terputus dalam perjalanan, sebagai satu ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana." (Surah al-Taubah: 60)

Makna Fisabilillah

Khusus
Jihad di medan
perang bertujuan
mempertahan dan
menegakkan agama

Umum
Usaha dan aktiviti
yang bertujuan
menegakkan
agama

Layari: <https://wakaf.unisza.edu.my/>

2. ADAKAH UniSZA BOLEH MENGAGIHKAN ZAKAT UNTUK ASNAF FISABILILLAH

Bidang kuasa berkaitan pengurusan zakat adalah di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Dalam konteks UniSZA, universiti hanya melaksanakan agihan wakalah zakat yang diserahkan oleh penyumbang zakat berdasarkan tujuan yang telah ditetapkan. Justeru, agihan zakat kepada asnaf fisabilillah hanya boleh dilaksanakan sekiranya peruntukan tersebut dinyatakan secara khusus oleh penyumbang zakat.

Dalam masa yang sama, pembayaran zakat majikan yang dilaksanakan UniSZA melalui potongan gaji berjadual staf telah dikembalikan oleh MAIDAM kepada UniSZA untuk tujuan agihan. Pada tahun 2025, MAIDAM telah memberikan kebenaran kepada UniSZA untuk melaksanakan agihan sendiri bagi tiga kategori asnaf, iaitu fakir, miskin dan fisabilillah.



Layari: <https://wakaf.unisza.edu.my/>



3. BAGAIMANAKAH PERLAKSANAAN AGIHAN ZAKAT ASNAF FISABILILLAH MAIDAM DI UniSZA?

Bagi agihan zakat di bawah asnaf fisabilillah, MAIDAM telah menetapkan bahawa peruntukan tersebut hendaklah digunakan khusus bagi penganjuran program yang berorientasikan pendidikan. Sehubungan itu, JAWAZ sebagai jawatankuasa tertinggi berkaitan zakat telah memperincikan beberapa syarat dan ketetapan, termasuk aspek penganjuran, perbelanjaan serta pelaksanaan program.

4.SIAPAKAH ASNAF FISABILILLAH DALAM KONTEKS UniSZA?

Program di bawah dana zakat fisabilillah pendidikan UniSZA hendaklah memberi manfaat kepada warga universiti, sama ada dalam kalangan pelajar, staf, atau kedua-duanya. Keutamaan akan diberikan kepada program yang melibatkan golongan yang lebih memerlukan, seperti pelajar dari keluarga berpendapatan rendah dan asnaf.

5.ADAKAH MESTI PROGRAM AGAMA?

Tidak disyaratkan program agama, namun program yang bersifat memberi manfaat buat ummah. Justifikasi program di bawah dana zakat fisabilillah pendidikan UniSZA perlu berdasarkan sejauh mana ia memenuhi salah satu atau lebih daripada lima Maqasid Syariah (objektif Syariah) dari sudut pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta.

Layari: <https://wakaf.unisza.edu.my/>

OGOS 2026

WAKAF KITA



6.BAGAIMANAKAH UNTUK MEMOHON?

Permohonan dana zakat fisabilillah Pendidikan MAIDAM hendaklah dikemukakan melalui fakulti atau Pusat Tanggungjawab (PTj).

Setiap permohonan perlu dibincangkan terlebih dahulu bersama Duta Wakaf fakulti atau PTj berkaitan. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengemukakan kertas cadangan program untuk pertimbangan dan kelulusan.



Layari: <https://wakaf.unisza.edu.my/>

OGOS 2026

WAKAF KITA



Untuk info lebih lanjut tentang zakat ansaf fisabilillah layari:

<https://wakaf.unisza.edu.my/>



OGOS 2026

WAKAF KITA



KEMPEN POTONGAN ZAKAT BERJADUAL (PZB)

<https://ezakat.maidam.gov.my/online/pzb.php>



PTJ semasa




hassanzulkifli@unisza.edu.my

OGOS 2026

WAKAF KITA



Melalui skim Potongan Zakat Berjadual (PZB), MAIDAM mengembalikan sebahagian wang zakat kepada UniSZA sebagai wakil untuk diagihkan kepada asnaf yang layak dalam kalangan warga UniSZA



Layari: <https://wakaf.unisza.edu.my/>



OGOS 2026

WAKAF KITA



POTONGAN ZAKAT BERJADUAL (PZB)

Bilangan Staf



Semakin besar pembayaran zakat staf melalui skim PZB, semakin besar dana wakalah yang akan diagih kembali oleh MAIDAM kepada UniSZA


Layari: <https://wakaf.unisza.edu.my/>

OGOS 2026


WAKAF KITA




AGIHAN DANA ZAKAT WAKALAH MAIDAM (Bayaran: 2024, Terimaan: 2025, Agihan: 2026)



Fakir



Miskin



Fisabilillah

Agihan fakir dan miskin
RM 397,300.40
17 Penerima Biasiswa Penuh

Agihan fisabilillah
RM129,083.20
11 program
diluluskan
238 peserta*

*Laporan 3 program

**Jumlah agihan dana zakat yang dinyatakan adalah bukan merupakan laporan rasmi akhir. Jumlah tersebut dikemukakan bagi tujuan hebahan dan pemakluman kepada warga UniSZA, khususnya para pembayar zakat, berhubung perkembangan agihan dana zakat.*

Layari: <https://wakaf.unisza.edu.my/>

ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY



OGOS 2026

WAKAF KITA



BANTUAN PELAJAR (KEMASKINI)

Permohonan pelajar



Fakulti



Pejabat Naib
Canselor HEPA



Pejabat Wakaf
dan Endowmen



Jawatankuasa
Agihan Dana Wakaf
dan Zakat (JAWAZ)



Zakat



Asnaf



Manfaat wakaf



Bukan Asnaf

Layari: <https://wakaf.unisza.edu.my/>

OGOS 2026

WAKAF KITA



KEMPEN POTONGAN GAJI WAKAF



DENGAN KELULUSAN MAIDAM



QR borang

Setiap sumbangan wakaf yang anda berikan layak mendapat pelepasan cukai pendapatan di bawah Subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Layari: <https://wakaf.unisza.edu.my/>

OGOS 2026

WAKAF KITA





DENGAN KELULUSAN MAIDAM

JOM BERWAKAF UniSA



Wakaf UniSA



MUDAH
Imbas & Wakaf
Secara Terus



SELAMAT
Transaksi Selamat
dan Terjamin



BERMAKNA
Setiap Wakaf Anda
Membawa Manfaat



BERKEKALAN
Manfaat Berterusan
untuk Ummah

ILMU DEMI FAEDAH INSAN • KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY



unisaedumy



OGOS 2026

WAKAF KITA



DAPATKAN BULETIN WAKAF KITA



Layari: www.wakafunisza.edu.my

OGOS 2026

WAKAF KITA



LANAMAN RASMI WAKAF BERWAJAH BAHARU



Layari: <https://wakaf.unisza.edu.my/>

OGOS 2026

WAKAF KITA



JOM LAYARI PORTAL INFAQ



Layari: <https://infaq.unisza.edu.my/>

OGOS 2026

WAKAF KITA



Disediakan oleh:

Pejabat Wakaf dan Endowmen
Universiti Sultan Zainal Abidin (WAKAF UniSZA)
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus
Terengganu Darul Iman

Ikuti kami



Layari: <https://wakaf.unisza.edu.my/>